



# LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

*Malaysian Palm Oil Board*

Kementerian Perladangan dan Komoditi

(Ministry of Plantation and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (2)/04/C/656/2 Jld 3

31 Disember 2024

1. Kilang Buah Kelapa Sawit (MF); dan
2. Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF)

Tuan,

## **PERINGATAN – PEMATUHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN KE ATAS PEMEGANG LESEN KATEGORI KILANG BUAH KELAPA SAWIT DAN PENIAGA BUAH KELAPA SAWIT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) adalah sebuah agensi yang mengawal selia industri sawit negara dan amat menitikberatkan amalan perniagaan yang baik serta telus dalam setiap urusniaga buah kelapa sawit. Bagi memastikan urusniaga belian buah kelapa sawit dijalankan dengan telus, pemegang lesen kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF) dan Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF) diingatkan untuk mematuhi syarat lesen berikut:

*"Pemegang lesen hendaklah mengeluarkan baucer bayaran yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai tarikh bayaran, nama penerima, kuantiti, harga dan amaun bayaran bagi setiap pembelian buah kelapa sawit."*

3. Selain itu, pemegang lesen juga diingatkan untuk mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Amalan Perniagaan Buah Kelapa Sawit (Edisi Kedua) yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2023. Garis Panduan ini telah menyatakan secara terperinci berkenaan aspek berikut:

- i. Penyediaan infrastuktur merangkumi kemudahan dan premis serta pengurusan anggota;
- ii. Tatacara pembelian atau penerimaan Buah Kelapa Sawit (BKS) merangkumi mempamerkan harga BKS 1% OER dan *baucer bayaran*;
- iii. Tatacara penimbangan berat yang antaranya mengkehendaki pemegang lesen mencetak tiket timbang dengan maklumat yang lengkap;
- iv. Kerja-kerja penggredan merujuk kepada Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015); dan
- v. Kaedah penetapan dan pengiraan harga.

4. Kegagalan pemegang lesen mematuhi syarat lesen yang ditetapkan, merupakan satu kesalahan di bawah Peraturan 21, Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 yang mana jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

5. MPOB menyeru semua pihak yang terlibat dalam urusniaga buah kelapa sawit untuk menerapkan pendekatan perniagaan yang baik, cekap dan berintegriti, bagi memperkuuh produktiviti dan kualiti pengeluaran minyak sawit demi kemampanan industri sawit negara.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang benar,

**DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR**  
Ketua Pengarah



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO.: QAS 02602



18 - 20 November 2025  
Kuala Lumpur Convention Centre